



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2019**

**TASAWWUR ISLAM
KERTAS 1 dan 2**

Skima Soalan Kertas 1

BAHAGIAN A

- | | | | | | | | | | |
|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|-----|---|
| 1. | B | 2. | A | 3. | C | 4. | D | 5. | D |
| 6. | A | 7. | B | 8. | A | 9. | B | 10. | C |
| 11. | D | 12. | B | 13. | D | 14. | C | 15. | C |
| 16. | A | 17. | B | 18. | D | 19. | A | 20. | C |

BAHAGIAN B

- 21. Takzir
- 22. Al-Bai' bithaman ajil
- 23. Insan
- 24. Rabbaniyyah
- 25. Ibadat
- 26. Agama
- 27. Riba
- 28. Fardhu ain
- 29. Sekularisme
- 30. Liberalisme
- 31. Keluarga / Individu
- 32. Masyarakat
- 33. Majlis syura
- 34. Ketua negara
- 35. Badan kehakiman
- 36. Rakyat
- 37. X
- 38. ✓
- 39. ✓
- 40. X

Skema Soalan Kertas 2 Tasawwur Islam Percubaan SPM 2019

SOALAN			SKEMA	MARKAH
1	(a)	(i)	Maksud fitrah beragama ialah Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT sebagai tuhan yang mencipta dan mentadbir alam ini.	(1 isi X 2 markah = 2 markah)
		(ii)	Empat ciri orang yang berpegang teguh dengan agama. 1. Sentiasa reda dengan ketentuan Allah SWT yang berlaku keatas dirinya 2. Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki dengan cara memanfaatkan ke jalan Allah SWT. 3. Melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT. 4. Memiliki jiwa yang mantap dan teguh atas prinsip kebenaran 5. Memiliki kesempurnaan akhlak seperti menghormati rakan, jiran dan tidak terlalu mencintai dunia	(4 isi X 1 markah = 4 markah)
	(b)		Dua sebab mereka dimuliakan dengan gelaran tersebut 1. Sebagai pengiktirafan Allah SWT / diatas usaha dakwah yang telah dijalankan. 2. Kerana mereka memiliki kesabaran yang tinggi / semasa berdakwah 3. Kerana mereka sentiasa memohon kepada Allah SWT / supaya kaum mereka tidak diturunkan azab 4. Kerana mereka sentiasa berdoa kepada Allah SWT / supaya memberi hidayah kepada kaum mereka	2 isi 2 huraian = 4 markah
	(c)		Dua sebab Allah SWT merahsiakan alam ghaib daripada penglihatan manusia. 1. Menunjukkan kekuasaan Allah SWT / yang menjadikan semua alam dengan kehendakNya sendiri 2. Menguji keimanan manusia / kepada perkara ghaib yang bakal berlaku seperti hari kiamat dan sebagainya 3. Meningkatkan ilmu pengetahuan manusia terhadap alam ghaib / dengan cara mengkaji perkara-perkara ghaib 4. Mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT / dengan menyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti syurga dan neraka.	2 isi 2 huraian = 4 markah
	(d)		Maksud ilmu fardu kifayah ialah: Ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap umat Islam secara umum, tetapi jika sudah ada sebahagian daripada umat Islam mempelajari ilmu tersebut, maka orang lain terlepas daripada kewajipan tersebut, tetapi jika tiada seorang pun mempelajarinya maka semua orang akan berdosa, contohnya ilmu perubatan, pertanian dan sebagainya	1 isi X 2 markah = 2 markah
	(e)		Kesan negatif yang akan berlaku jika keadaan tersebut tidak ditangani dengan sebaiknya. Menyebabkan umat Islam mudah terpengaruh / dengan berita yang tidak sahih/ dengan itu fitnah akan berleluasa dalam masyarakat / kesannya akan menimbulkan perbalahan dalam kalangan umat Islam. (mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah
2	(a)		Empat ciri agama langit ialah: 1. Mempunyai kitab suci yang datangnya daripada Allah SWT seperti al-Quran, Taurat, Zabur dan Injil 2. Mempunyai Nabi dan Rasul sebagai pembawa agama tersebut. 3. Ajarannya lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan sebagainya	4 isi X 1 markah = 4 markah

		4. Sesuai dengan fitrah semulajadi manusia 5. Untuk semua manusia tanpa mengira pangkat dan keturunan	
(b)	(i)	Dua hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam ialah: 1. Kebebasan bersuara 2. Kebebasan melindungi nyawa 3. Kebebasan beragama 4. Kebebasan memiliki harta 5. Kebebasan memelihara kehormatan dan maruah diri 6. Hak untuk mendapatkan pendidikan	2 isi X 1 markah = 2 markah
	(ii)	Dua bukti Islam menyamatarafkan manusia sebagaimana yang terkandung dalam prinsip Alamiyyah. 1. Semua manusia adalah berasal dari keturunan yang sama 2. Semua manusia dianugerahkan akal 3. Semua manusia dilantik sebagai khalifah 4. Semua manusia sama darjatnya disisi Allah SWT 5. Islam boleh dianuti oleh semua manusia 6. Manusia mendapat ganjaran dan balasan yang sama	2 isi X 1 markah = 2 markah
(c)		Dua contoh Islam bersifat praktikal dalam ibadat selaras dengan prinsip waqiiyyah ialah: 1. Solat boleh dilakukan mengikut keadaan seseorang seperti orang yang tidak boleh berdiri boleh solat sambil duduk 2. Ibadat zakat hanya wajib ke atas orang yang kaya sahaja. 3. Puasa boleh ditinggalkan jika seseorang itu tidak mampu melaksanakannya kerana sakit dan sebagainya 4. Haji hanya diwajibkan keatas orang yang mampu sahaja.	2 isi 2 huraian = 4 markah
(d)	(i)	Dua perkara yang tetap berdasarkan prinsip thabat i) Aqidah - keyakinan ini tidak boleh berubah walau apa pun yang berlaku ii) Ibadat - Dalam melakukan ibadat wajib, Islam tidak pernah memberi toleransi kepada umatnya. Kita tetap wajib menunaikan ibadat walau dalam apa jua keadaan Cuma caranya sahaja yang berbeza. iii) Ketetapan Hukum Syarak .- Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus akan tetap kekal sehingga ke hari kiamat	2 isi X 1 markah = 2 markah
	(ii)	Perkautan antara murunah dengan thabat dalam (i) Solat – Solat boleh dilakukan dalam berbagai cara mengikut keadaan seseorang, seperti solat sambil berbaring dan sebagainya tetapi tetap wajib ditunaikan (ii) Pakaian – Boleh berfesyen tetapi tetap menutup aurat	2 isi X 1 markah = 2 markah
(e)		Cara yang sepatutnya dilakukan oleh En. Saiful dalam menjaga adab pergaulan dengan jiran sebagaimana yang digariskan oleh Islam selaras dengan prinsip Syumuliyyah. 1. Sentiasa menjaga batasan aurat semasa bergaul supaya hukum halal dan haram sentiasa dijaga dengan itu orang bukan Islam akan sentiasa menghormati orang beragama Islam. 2. Sentiasa menghormati agama dan adab kaum lain agar perasaan curiga dan salah sangka dapat dihindari dengan itu hidup lebih aman dan harmoni (mana-mana jawapan munasabah diterima)	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah
3	(a)	Empat prinsip negara Islam ialah : 1. Musyawarah (as-syura) 2. Keadilan (al-'adalah)	4 isi X 1 markah

		<p>3. Kebebasan (al-hurriyyah) 4. Persamaan (al-musawah)</p>	= 4 markah
	(ii)	<p>Dua kebaikan majlis syura:</p> <p>1. Mengambil pendapat ramai / melalui perbincangan dan mesyuarat 2. Sesuatu perancangan / mendapat sokongan semua anggota 3. Masing-masing merasa bertanggungjawab / terhadap keputusan yang telah dipersetujui 4. Mengeratkan hubungan / perpaduan bertambah erat / sesama manusia. (mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huriaian = 4 markah</p>
	(b)	<p>Kesan kepada sistem kehakiman jika hakim cenderung kepada orang-orang yang melakukan kezaliman dalam perbicaraan:</p> <p>1. Jenayah akan berleluasa / kerana tidak dapat dibendung 2. Masyarakat akan bertindak sendiri / kerana tidak puas hati 3. Berlaku penindasan / golongan kuat ke atas yang lemah. 4. Masyarakat sentiasa hidup dalam ketakutan / kerana merasa terancam .</p>	<p>2 isi 2 huriaian = 4 markah</p>
	(c)	<p>Dua cara memupuk sifat mahmudah dalam diri remaja ialah :</p> <p>1. Sentiasa melaksanakan ibadah fardu setiap hari / seperti solat dan sebagainya 2. Memperbanyak ibadah sunat seperti / puasa sunat, bersedekah dan sebagainya 3. Mempelajari serta mendalami ilmu agama / agar dapat memantapkan lagi keperibadian muslim (mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huriaian = 4 markah</p>
	(d)	<p>Konsep yang dipegang oleh Asmadi berdasarkan situasi di atas ialah.</p> <p>1. Konsep tawakal</p>	<p>1 isi X 1 markah = 1 markah</p>
	(ii)	<p>Tiga kebaikan konsep tawakal.</p> <p>1. Menambahkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT. 2. Menjadikan seseorang rajin berusaha dengan bersungguh-sungguh. 3. Sebagai motivasi untuk memajukan diri. 4. Menjadi Allah SWT sebagai tempat memohon pertolongan. (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>3 isi X 1 markah = 3 markah</p>
4	(a)	<p>Dua sebab Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia</p> <p>1. Supaya manusia menguruskan sumber harta dengan sebaik-baiknya / seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT 2. Supaya manusia tidak terlalu sompong dengan harta yang dimilikinya / kerana ianya sebenarnya adalah milik mutlak Allah SWT 3. Supaya manusia tidak menggunakan harta yang di miliki secara membazir dan sia-sia / sebagai tanda kesyukuran kepada nikmat Allah SWT 4. Supaya manusia berusaha bersungguh-sungguh / untuk mencari harta bagi kesenangan hidup mereka di dunia dan akhirat. (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huriaian = 4 markah</p>

		(ii)	Dua kebaikan menuaikan tanggungjawab terhadap harta: 1. Harta semakin berkembang / dengan cara yang halal 2. Mendapat ketenangan / dalam hidup 3. Mendapat kebahagian hidup / dunia dan akhirat 4. Dihormati oleh masyarakat / kerana mengikut perintah agama (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	2 isi 2 huraihan = 4 markah
		(b)	Dua syarat sesuatu pekerjaan di kira sebagai ibadat. 1. Bekerja dengan ikhlas kerana Allah SWT untuk mendapatkan keredaanNya 2. Bekerja dengan tidak meninggalkan ibadah fardu seperti menuaikan solat 3. Pekerjaan yang tidak menjaskan kepentingan orang lain seperti bertani 4. Perkerjaan tersebut hendaklah diharuskan oleh syarak seperti perniagaan yang halal (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	2 isi X 1 markah = 2 markah
		(c)	Dua kesan sistem muamalah kearah meningkatkan kualiti hidup manusia: 1. Manusia dapat saling tolong menolong dan bekerjasama / demi untuk kebaikan bersama. 2. Dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang aman sejahtera / seperti pengharaman riba dapat mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan huru hara dalam masyarakat 3. Memudahkan manusia menikmati segala kurniaan Allah SWT / dengan cara yang betul dan direndai-Nya supaya hidup lebih selesa 4. Mempereratkan hubungan persaudaraan dan hubungan silaturahim dan tolong menolong / melalui proses transaksi yang dijalankan 5. Memperkemaskan dan melicinkan urusan manusia serta masyarakat / untuk memudahkan urusan sehari-hari mereka (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	2 isi 2 huraihan = 4 markah
		(d)	Jenis muamalah yang sesuai dengan En. Bazli 1. Mudharabah. 2. Musyarakah (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	1 isi X 1 markah = 1 markah
		(ii)	Tiga sebab muamalah tersebut sesuai dengan keadaan En. Bazli. 1. Dapat melahirkan semangat tolong-menolong di kalangan anggota masyarakat., 2. Masyarakat akan hidup dengan aman / harmoni 3. Masyarakat dapat menikmati ekonomi negara dengan lebih teratur / tersusun	3 isi X 1 markah = 3 markah
5	(a)	(i)	Maksud perundangan Islam Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia yang merangkumi aspek akidah, syariat, akhlak dan sebagainya	1 isi X 2 markah = 2 markah
		(ii)	Dua faedah mengamalkan perundangan Islam kepada masyarakat. 1. Masyarakat bebas melakukan aktiviti sehari-hari / kerana jenayah berkurangan dalam negara 2. Harta benda dan jiwa masyarakat terpelihara / kerana penjenayah takut melakukan perbuatan jenayah (Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)	2 isi 2 huraihan = 4 markah

	(b)	<p>Dua matlamat hukum fikah dalam perundangan Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk memudahkan kefahaman individu / terhadap suruhan dan larangan Allah SWT 2. Untuk menentukan perintah Allah SWT / sesuai sepanjang zaman <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huraian = 4 markah</p>
	(c)	<p>Dua sebab Islam mengalakkan umatnya supaya berkahwin</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dapat memupuk perasaan kasih sayang 2. Dapat menghindarkan daripada perbuatan maksiat 3. Dapat mengeratkan hubungan silaturahim. 4. Melahirkan rasa bertanggungjawab 5. Dapat memelihara nasab dan keturunan 6. Dapat mengembangkan zuriat <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi X 1 markah = 2 markah</p>
	(d)	<p>Dua hikmah penetapan hukum wajib dalam Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Supaya manusia tidak akan meninggalkan perkara yang penting / dalam agama 2. Sebagai ujian kepada manusia / sama ada mematuhi perintah Allah atau mengingkarinya 3. Untuk memastikan golongan tertentu / melaksanakan sesuatu ibadat yang disyariatkan. <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huraian = 4 markah</p>
	(e)	<p>Kebaikan yang diperolehi oleh Ghazi kesan daripada taubat.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Beliau akan mendapat keampunan dan petunjuk / daripada Allah SWT / dengan itu beliau akan memperoleh kemenangan dan ketenangan jiwa / kerana dosanya telah diampunkan oleh Allah SWT. 2. Mendapat pahala dan keberkatan / daripada Allah SWT kerana melaksanakan perintah Allah SWT / dengan bertaubat daripada dkesalahanyang dilakukan / kesannya beliau hidup lebih tenteram. <p>(Mana-mana jajwapan yang munasabah diterima)</p>	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah</p>
6	(a)	<p>Dua sebab sesuatu masalah mesti diselesaikan secara Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dapat menambahkan keyakinan dan keimanan kepada Allah SWT 2. Dapat memberi ketenangan dalam kehidupan 3. Dapat membangkitkan semangat untuk berusaha. 4. Dapat memperkuuhkan keperibadian muslim 	<p>2 isi X 1 markah = 2 markah</p>
	(ii)	<p>Empat langkah yang disarankan dalam Islam bagi menyelesaikan sesuatu masalah.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenalpasti masalah 2. Mengenal pasti punca masalah 3. Melakukan strategi yang betul untuk menyelesaikan masalah 4. Menguji semula strategi yang telah dilakukan 5. Membuat penilaian semula <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>4 isi X 1 markah = 4 markah</p>

	(b)	<p>Dua cara anda memantapkan keperibadian jati diri anda sebagai seorang remaja muslim.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari seperti sentiasa bersyukur dengan segala nikmat Allah SWT. 2. Sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan yang berguna / dengan mengikuti ceramah agama di masjid dan surau <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huraian = 4 markah</p>
	(c)	<p>Bentuk jaminan keselamatan yang disediakan oleh Islam kepada umatnya</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. agama, 2. nyawa, 3. akal, 4. harta, 5. maruah <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>4 isi X 1 markah = 4 markah</p>
	(d)	<p>Tindakan yang boleh diambil oleh isteri tersebut bagi menyelesaikan masalahnya</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadu kepada bapa mertuanya / agar menasihati suaminya / supaya menunaikan tanggungjawabnya sebagai suami. 2. Melaporkan kepada pihak mahkamah syariah / supaya memerintahkan suaminya / dalam menjalankan tanggungjawab sebagai suami. 3. Meminta suaminya menceraikannya / dengancarayang baik / agar beliau dapat menjalani hidup baharu. <p>(mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huraian 2 kesimpulan = 6 markah</p>
7	(a)	<p>Dua ciri sistem sosial Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bersifat rabani / iaitu dicipta oleh Allah SWT 2. Perhubungan sesama manusia / adalah berdasarkan atas dasar takwa dan keimanan kepada Allah SWT. 3. Pergaulan sesama manusia adalah mengikut lunas-lunas Islam / agar hidup lebih harmoni 4. Sentiasa mengamalkan akhlak yang mulia / dalam pergaulan. 5. Sentiasa mengutamakan kepentingan umum / daripada kepentingan individu <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huraian = 4 markah</p>
	(ii)	<p>Tiga Implikasi pengabaian tanggungjawab sosial kepada masyarakat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbalahan dan perpecahan keluarga akan berlaku / yang menyebabkan terlerainya kasih sayang 2. Keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat dan negara akan tergugat / yang menyebabkan masyarakat berpecah belah 3. Sumber alam tidak dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan masyarakat / menyebabkan berlakunya bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir. 4. Gejala sosial seperti jenayah akan berleluasa dalam masyarakat / menyebabkan masyarakat hidup dalam ketakutan 5. Penyelewengan tanggungjawab dan amanah akan berleluasa / seperti rasuah, pecah amanah dan sebagainya <p>(Mana-mana jawapan munasabah diterima)</p>	<p>2 isi 2 huraian 2 kesimpulan = 6 markah</p>

	(b)	Matlamat perundangan Islam untuk menjaga harta manusia akan tercapai 1. Islam mensyariatkan hukum hudud / iaitu potong tangan kepada orang yang mencuri / dengan itu manusia lain tidak lagi berani untuk mencuri / kesannya harta benda manusia akan terjaga 2. Islam menyuruh umatnya supaya mencari harta / dengan cara yang halal / seperti melakukan perniagaan yang halal / kesannya harta yang diperolehi akan diberkati oleh Allah SWT dan terjaga kesuciannya (mana-mana jawapan munasabah diterima)	1 isi 1 huriaian 1 huriaian lanjut 1 kesimpulan = 4 markah
	(c)	(i) Tiga sebab Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah 1. Untuk mengajar manusia supaya sentiasa hidup bersatu padu, tolong-menolong, dan bekerjasama dalam mengembangkan ekonomi melalui sistem muamalah Islam seperti musyarakah, ijarah dan jual beli. 2. Untuk memastikan kehidupan manusia sentiasa berperaturan dan menghindarkan perbuatan zalim, penganiayaan dan penindasan ke atas golongan yang lemah seperti riba, penipuan, merampas hak orang lain, dan sebagainya. 3. Untuk keselesaan dan kemudahan manusia memilih cara bermuamalah yang terbaik mengikut keperluan mereka. Contohnya orang kaya boleh mengembangkan hartanya melalui mudharabah manakala orang miskin pula boleh menambahkan modal perniagaan mereka melalui murabahah dan sebagainya. 4. Untuk memberi peluang kepada manusia melaksanakan aktiviti ekonomi mereka dengan lebih berkesan dan tidak hanya bergantung pada jenis muamalah tertentu sahaja. Contohnya manusia boleh melakukan pelbagai aktiviti perniagaan untuk mendapatkan wang seperti ijarah, ar-Rahn dan al-bai bithaman ajil dan sebagainya. 5. Untuk memastikan setiap manusia dapat menikmati dan memenuhi keperluan hidup mengikut kemampuan hidup mereka. Contohnya orang miskin dapat memiliki sesuatu barang yang diperlukan oleh mereka melalui ijarah atau al-bai bithaman ajil. (mana-mana jawapan munasabah diterima)	3 isi X 2 markah = 6 markah

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT